



*Jabatan Perkhidmatan Pos
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam*

Pengambilan Paket Kecil dan Bungkusan di Pusat Memproses Mel dan Bungkusan (MPC)

Sabtu, 09 Rabiulawal 1443 Hijrah bersamaan 16 Oktober 2021 Masehi

Dalam mengutamakan keselamatan pelanggan dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos di seluruh negara, JPP akan terus mengikuti perkembangan terkini keadaan dan situasi berhubung COVID-19. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Pos akan terus komited dalam memastikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan adalah selaras dengan saranan Kementerian Kesihatan bagi membendung penularan wabak COVID-19 di Brunei Darussalam.

Untuk makluman, Jabatan Perkhidmatan Pos telah meneliti semula slot-slot tempahan bagi pengambilan paket kecil dan bungkusan di Pusat Memproses Mel dan Bungkusan (MPC). Mengambil kira masa yang diperlukan untuk memproses pengambilan paket kecil dan bungkusan, dan pada masa yang sama mengawal perkumpulan orang ramai, sebanyak 60 slot baharu sehari telah ditambah menjadikan keseluruhan slot sebanyak 150 slot sehari. Slot baharu ini akan dibuka untuk tempahan mulai hari Rabu, 20 Oktober 2021. Orang ramai adalah disarankan untuk memeriksa slot-slot berkenaan dari masa ke semasa melalui aplikasi QUEUP. Jabatan Perkhidmatan Pos akan terus memantau dan mengkaji penggunaan aplikasi QUEUP ini bagi memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan, pengalaman pengguna dan mengurangkan masa menunggu dari masa ke semasa mengikut perkembangan pemantauan COVID-19.

Penggunaan aplikasi QUEUP ini adalah juga untuk memberikan keselesaan kepada orang ramai melalui pengurusan dan pengawalan pelanggan yang boleh menunggu giliran mereka di dalam ruang lobi MPC.

Pelanggan-pelanggan adalah juga disarankan untuk melayari ke laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pos (www.post.gov.bn) dan menggunakan aplikasi BruTrack bagi mengetahui status info mengenai barang-barang yang akan diterima oleh pelanggan, ataupun menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC) di talian +673 238 0481 atau +673 871 1002 (Whatsapp) semasa waktu bekerja atau e-mel cscpost@post.gov.

Jabatan Perkhidmatan Pos ingin memohon maaf dan mengucapkan terima kasih atas kesabaran para pelanggan jabatan pada masa ini. Segala pandangan dan juga saranan orang ramai adalah sangat-sangat dihargai.

Disediakan oleh:

**Jabatan Perkhidmatan Pos
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam**